

Aplikasi Android Khidmat Nasihat Individu Berasaskan Nilai Islam & Psikologi Kaunseling

WAN KHAIRUNNISA WAN BADRUL HISHAM
IBRAHIM MOHAMED

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Khidmat nasihat membantu seseorang individu mencapai matlamat dan rumusan yang realistik dalam mengatasi masalah yang dihadapi, mendengar perkongsian masalah, memberi nasihat dan menyokong individu tersebut dalam membuat keputusan. Walaupun begitu, terdapat masalah biasa yang timbul antaranya ialah temu janji fizikal yang menyulitkan individu untuk menghadapi pakar profesional yang berkaitan untuk membantu dan memantau individu menyelesaikan masalah tersebut. Di samping itu, ketiadaan aplikasi berfungsi untuk memaparkan dan mengemas kini maklumat yang boleh dipercayai berkaitan dengan khidmat nasihat sebagai rujukan untuk orang ramai dalam talian. Seterusnya, proses manual mendapatkan khidmat nasihat memerlukan masa. Oleh itu, aplikasi ini bertujuan untuk membantu mengurus khidmat nasihat berasaskan Psikologi Nilai & Kaunseling Islam kepada semua masyarakat umum yang terkesan akibat wabak Covid-19. Objektif projek ini adalah untuk mengkaji keperluan asas dalam pembangunan sistem khidmat nasihat. Kedua, merekabentuk sistem khidmat nasihat dalam bentuk aplikasi mudah alih (android) sesuai dengan keperluan orang ramai. Ketiga, membangunkan sistem khidmat nasihat berdasarkan Nilai Islam & Psikologi Kaunseling untuk mengumpul dan merekod data yang terlibat. Metodologi pembangunan perisian untuk projek ini berdasarkan kaedah Agile. Secara keseluruhan, pembangunan aplikasi ini membantu mengurus khidmat nasihat dan menyimpan rekodnya dalam pangkalan data dengan lebih sistematik.

1 PENGENALAN

Kaunseling merupakan satu bahagian daripada psikologi. Kaunseling adalah suatu usaha untuk memberi bantuan dan khidmat kepada klien yang mengalami masalah dalam kehidupan. Perkataan 'kaunseling' mencakupi makna bekerja dengan ramai orang dan hubungan yang memungkinkan pemecahan sesuatu masalah. Kaunseling juga adalah suatu usaha untuk memberikan kesempatan dan ruang kepada klien bagi mengeksplorasi, menemui dan cara hidup yang lebih memuaskan dan cerdas dalam menghadapi sesuatu perkara atau situasi (Khairunnas Rajab, 2015).

Perkhidmatan kaunseling telah berkembang pesat sejajar dengan arus kehidupan yang moden dan membangun. Masyarakat boleh menerima dan memahami kepentingan perkhidmatan kaunseling terhadap proses pembangunan diri secara individu, keluarga,

pasangan, kerjaya dan masyarakat sekeliling (Junn Willie, S., & Abu Bakar, A., 2019). Tidak dinafikan lagi, perkhidmatan kaunseling ataupun khidmat nasihat ini telah menjadi satu keperluan di kalangan masyarakat dalam memastikan kesejahteraan diri sendiri terjamin setelah melalui masalah dan liku kehidupan serta mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dalam persekitaran dan norma baharu kehidupan. Jika kaunseling dilaksanakan berteraskan nilai islam dan psikologi kaunseling, pastinya akan memberi impak yang positif kepada masyarakat dalam mengharungi arus kehidupan.

Sementara itu, nilai Islam boleh didefinisikan sebagai nilai yang menyentuh kepercayaan atau soal akidah, kerohanian serta cara atau amalan hidup yang baik yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat yang berteraskan kepercayaan adanya tuhan atau Yang Maha Kuasa (Mohamad Hanafiah, M. N. A.-H., & Che Yaacob, M. F., 2020).

Psikologi kaunseling pula ialah pengkhususan luas bertumpu kepada penggunaan prinsip psikologi untuk meningkatkan dan mengalakkan perkembangan, kesejahteraan dan dari segi kesihatan mental yang positif kepada individu. Antara masalah yang umum dialami oleh masyarakat termasuklah ketika berlakunya peralihan hidup, mahupun untuk membuat keputusan serta melibatkan kesihatan mental dan fizikal.

2 PENYATAAN MASALAH

Kajian daripada (Mohd Tajudin Ninggal, Syed Mohd Asri Syed Yahya, 2004) melalui pemerhatian dan kajian yang telah dibuat, pembangunan perisian yang berbentuk bimbingan kaunseling dan psikologi kurang mendapat perhatian umum. Sebahagian besar organisasi masih menjalankan aktiviti mereka secara manual atau bertulis. Peluang, kekangan masa dan juga kos untuk mendapat perkhidmatan ini adalah terhad dan ini menyukarkan pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. Selain itu, dapat dilihat berkenaan penyebaran maklumat. Penyebaran maklumat palsu semakin berleluasa dengan perkembangan teknologi maklumat. (Nadiyah Badrul Hisham, Noor Amalie Fatimah Mohd Yusri, 2015).

Namun demikian, dalam usaha meningkatkan penggunaan perkhidmatan atas talian, beberapa perkara penting perlu diambil perhatian kerana hakikatnya terdapat pelbagai cabaran seperti isu etika, risiko dan kepakaran atau kecekapan dalam menyalurkan perkhidmatan atas talian (Harris, B. & Birnbaum, R., 2015).

Daripada hasil kajian lain, proses secara fizikal dikatakan kurang sesuai. Mereka rasa lebih selesa jika pertemuan diadakan bila-bila masa sahaja iaitu apabila mereka sedang menghadapi masalah itu. Mereka menganggap agak 'leceh' untuk buat temujanji dan masalah itu akan jadi lambat untuk diselesaikan, (Sharif, Roslee 2005).

3 OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian bagi membangunkan Aplikasi Android Khidmat Nasihat Individu Berasaskan Nilai Islam & Psikologi Kaunseling adalah berdasarkan objektif seperti berikut:

1. Mengkaji keperluan asas dalam pembangunan sistem khidmat nasihat.
2. Membangunkan sistem khidmat nasihat berdasarkan Nilai Islam & Psikologi Kaunseling untuk mengumpul dan merekod data yang terlibat.
3. Menguji sistem aplikasi khidmat nasihat.

Bagi usulan projek ini, objektif tertumpu hanya kepada objektif yang pertama daripada keseluruhan objektif yang dinyatakan.

4 METOD KAJIAN

Metodologi proses pembangunan yang dipilih bagi membangunkan Aplikasi Android Khidmat Nasihat Individu Berasaskan Nilai Islam & Psikologi Kaunseling adalah berdasarkan kaedah Agile seperti contoh yang ditunjukkan pada Rajah 1.1.




Rajah 1 Carta alir metodologi

Daripada Rajah 1 di atas, dapat dirumuskan kelebihan kaedah Agile yang dilaksanakan dalam projek ini ialah, penglibatan pihak berkepentingan secara berterusan serta mempunyai fleksibiliti dan kebolehsuaian untuk penambahbaikan dan pembaharuan yang ingin dilaksanakan seiring dalam proses pembangunan projek bagi membantu mencapai keperluan projek. Fasa-fasa utama melalui metodologi ini adalah seperti berikut:

4.1 Jumpa dan Rancang (Meet & Plan)

Untuk memulakan projek, perjumpaan dan perancangan perlu dilakukan bagi mengumpul segala keperluan projek.

Tugas-tugas yang akan dilaksanakan mempunyai kebergantungan antara satu sama lain dan ditunjukkan melalui Struktur Pecahan Kerja (Work Breakdown Structure) bagi melihat pecahan kerja dalam menjayakan pembangunan projek. Berikut merupakan Rajah 2 yang menunjukkan struktur pecahan kerja melibatkan projek ini.



Rajah 2 Struktur pecahan kerja

4.2 Reka Bentuk (Design)

Di fasa reka bentuk ini, setelah mengenalpasti keperluan projek bersama pihak berkepentingan, penghasilan reka bentuk bagi rajah-rajah untuk menunjukkan perkaitan data seterusnya bagaimana aplikasi ini dilihat.

4.3 Kod & Uji (Code & Test)

Reka bentuk dan pembangunan aplikasi dijalankan di fasa ini untuk memastikan projek dapat berfungsi dengan baik. Proses penambahbaikan akan dijalankan supaya fungsi utama aplikasi terlaksana. Seterusnya, berlaku proses pengujian bagi melihat prestasi aplikasi dan mencari pepijat.

4.4 Pelepasan (Release)

Pengeluaran aplikasi dijalankan di fasa ini bagi melihat bagaimana aplikasi ini di dalam persekitaran kerja pengguna.

4.5 Maklumbalas (Feedback)

Di akhir fasa, maklum balas mengenai aplikasi akan diterima dan dikumpulkan setelah aplikasi dipersembahkan. Oleh itu, segala penambahbaikan ataupun pembaharuan masih boleh dilakukan.


5 HASIL KAJIAN

Aplikasi Android Khidmat Nasihat Individu Berasaskan Nilai Islam & Psikologi Kaunseling dibangunkan dengan menggunakan perisian Android Studio. Bahasa pengaturcaraan yang terlibat ialah Java dan juga PHP. Teknologi lain yang digunakan ialah pelayar web XAMPP dan pangkalan data MySQL. Perpustakaan android yang diaplikasikan pula ialah Volley seperti dalam rajah 3 di bawah.


```
dependencies {
    implementation 'androidx.appcompat:appcompat:1.4.0'
    implementation 'com.google.android.material:material:1.4.0'
    implementation 'androidx.constraintlayout:constraintlayout:2.1.2'
    implementation 'androidx.annotation:annotation:1.2.0'
    implementation 'androidx.lifecycle:lifecycle-livedata-ktx:2.3.1'
    implementation 'androidx.lifecycle:lifecycle-viewmodel-ktx:2.3.1'
    testImplementation 'junit:junit:4.12'
    androidTestImplementation 'androidx.test.ext:junit:1.1.3'
    androidTestImplementation 'androidx.test.espresso:espresso-core:3.4.0'
    implementation 'com.android.volley:volley:1.2.1'
    implementation 'com.google.android.material:material:1.0.0'
    implementation "androidx.cardview:cardview:1.0.0"
    implementation "androidx.recyclerview:recyclerview:1.2.1"
```

Rajah 3 menunjukkan antara muka perpustakaan android Volley

Sepanjang pembangunan Aplikasi Android Khidmat Nasihat Individu Berasaskan Nilai Islam & Psikologi Kaunseling, kod bagi menambah temujanji merupakan antara kod penting di dalam keseluruhan pembangunan sistem ini. Hal ini demikian kerana, skop utama sistem tertumpu kepada temujanji yang boleh dilakukan di antara klien dan kaunselor. Rajah 4 menunjukkan segmen kod kritikal bagi mengurus temujanji.




Rajah 4 Segmen kod kritikal bagi mengurus temujanji



Rajah 5 Antara muka halaman utama untuk pentadbir

Reka bentuk bagi halaman utama untuk pengguna biasa dan kaunselor juga adalah hampir sama dengan halaman utama ini. Pentadbir akan melihat pilihan menu seperti rekod temujanji, carian solusi, mendaftar pengguna kaunselor dan menambah kes-kes baharu yang terdapat di dalam aplikasi setelah berjaya log masuk. Halaman utama bagi pentadbir akan dipaparkan seperti dalam Rajah 5.



Rajah 6 Antara muka halaman utama untuk menambah temujanji

Daripada rajah 6, untuk pengguna biasa iaitu klien, pengguna boleh membuat penambahan temujanji untuk perjumpaan bersama kaunselor. Terdapat beberapa maklumat penting yang perlu diisi di dalam aplikasi dan butang Hantar perlu ditekan setelah selesai mengisi kesemua bahagian ini.

6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Aplikasi Android Khidmat Nasihat Individu Berasaskan Nilai Islam & Psikologi Kaunseling berjaya dibangunkan bagi memenuhi keperluan 3 jenis pengguna iaitu, pengguna biasa, kaunselor dan pentadbir dalam mengurus aspek-aspek penting bagi khidmat nasihat termasuklah mengurus temujanji antara klien dan kaunselor. Pembangunan sistem ini diharapkan dapat membantu pengguna dalam urusan melibatkan khidmat nasihat yang sebelumnya dijalankan secara manual. Akhir sekali, walaupun terdapat beberapa kekurangan, diharapkan juga sistem ini terus diberi keutamaan untuk ditambahbaik pada masa hadapan.

7 RUJUKAN

Amir Awang (1987). Teori dan amalan psikoterapi. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Bloom, J..W. (1998). The ethical practice of Webcounselling. British Journal of Guidance and Counselling, 26(1), 53-59.

- Chee Yee, Tang. (1989). *Bimbingan dan kaunseling: Untuk sekolah rendah dan menengah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Hall, P. (2004). Online psychosexual therapy: A summary of pilot study findings. *Sexual and Relationship Therapy*, 19(2), 167- 178.
- Harris, B., Birnbaum, R. (2014). Ethical and Legal Implications on the Use of Technology in Counselling. *Clinical Social Work Journal*. 43. 10.1007/s10615-014-0515-0.
- Junn Willie, Shima; Abu Bakar, A. (2019). Keperluan khidmat bimbingan dan kaunseling dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar: satu kajian kes. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(1), 18-24.
- Khairunnas Rajab. (2015). Nilai-Nilai Holistik dalam Kaunseling Islam: The Holistic Values of Islamic Counselling. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 17(1), 25–50.
- Mohamad Hanafiah, M. N. A.-H., Che Yaacob, M. F. (2020). Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu: Islamic Values and Moral Development in Malay Folktales. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 48–56.
- Mohd Tajudin Ninggal, Syed Mohd Asri Syed Yahya Merekabentuk dan membangunkan perisian alat ukur pengujian psikologi berasaskan teknologi perisian web : kajian fasa pengujian dan fasa implementasi pembangunan e-kaunseling (peringkat ii). <http://eprints.utm.my/id/eprint/4559/1/73043.pdf> [2004]
- Nadiah Badrul Hisham, Noor Amalie Fatimah Mohd Yusri. (2015). Revolusi teknologi maklumat TINTA, 24 (1). pp. 34-41. ISSN 0127-5100
- Sanders, P., Rosenfield, M. (1998). Counselling at a distance: Challenges and new initiatives. *British Journal of Guidance & Counselling*, 26(1), 5-10.
- Sharf, R.S. (2000). *Theories of psychotherapy & counseling: Concepts and cases*. USA: Brooks/Cole.
- Tait, A. (1999). Face-to-face and at a distance: The mediation of guidance and counselling through the new technologies. *British Journal of Guidance & Counselling*. 27(1), 113-123.
- Tirel, M., Rozgonjuk, D., Purre, M., & Elhai, J. D. (2019). When do people seek internet counseling exploring the temporal patterns of initial submissions to online counseling services. *Journal of Technology in Human Services*, 1–19. <https://doi.org/10.1080/15228835.2018.1561348>
- Wei Foon, L., Zaida Nor Zainudin, Yusni Mohamad Yusop & Wan Norhayati Wan Othman. (2020). E-Counselling: The Intention, Motivation and Deterrent among School Counsellors. *The Journal of Educational Research*.8(3),44-51. 10.13189/ujer.2020.081605.

Zainab Ismail. (2018). Kaunseling online dalam dunia terhubung. *Al-Hikmah*, 10(2), 86-94.
Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/336>

Wan Khairunnisa Wan Badrul Hisham (A182566)
Ibrahim Mohamed
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Copyright@FTSM
UKM